

12/07/1997

Dokumen tender MSC 26 Julai

Wan Sabariah Shikh Ali; Kadir Dikoh

PERDANA MENTERI Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan secara rasmi permohonan tender cadangan konsep (RFP) bagi empat projek utama dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), iaitu kerajaan elektronik, teleperubatan, sekolah bestari dan kad pintar pelbagai guna pada 26 Julai ini.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata cadangan konsep itu meliputi pelaksanaan projek perintis termasuk pembinaan pejabat Perdana Menteri yang dijadualkan beroperasi pada September 1998.

"Cadangan konsep ini meliputi pembangunan sebenar, piawaian yang hendak digunakan dan parameter projek. Ia berbeza daripada pendekatan tender kontrak biasa yang mana kerajaan menyediakan skop projek dan syarikat mengemukakan tawaran mereka, dalam tempoh tertentu.

"Pendekatan ini tidak berfungsi dalam konteks MSC kerana teknologi, piawaian dan parameter dalam industri IT begitu cepat berubah. Skop yang dipersetujui pada masa ini mungkin tidak relevan lagi dalam tempoh sembilan bulan akan datang," katanya selepas menyampaikan kertas kerja mengenai pembangunan MSC pada Persidangan Pengurus Dana Antarabangsa anjuran Union Bank of Switzerland, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, kerajaan hanya akan menerima RFP daripada syarikat yang membentuk konsortium bagi mencerminkan penyertaan yang sihat di antara firma IT asing dan tempatan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini MDC belum dimaklumkan mengenai dasar kerajaan berhubung peratusan penyertaan Bumiputera atau syarikat tempatan dalam konsortium itu.

Beliau bagaimanapun mengingatkan firma tempatan dan syarikat Bumiputera perlu menerima hakikat bahawa persaingan mendapatkan peluang untuk melaksanakan aplikasi utama MSC berasaskan kemampuan menyempurnakannya secara berkesan dan cekap.

"Tidak wajar mengharapkan keistimewaan tertentu kerajaan hanya ukuran kelayakan adalah berdasarkan prestasi terbaik kerana kita perlu memastikan pelbagai aplikasi dalam MSC dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Selain empat projek itu, pembangunan MSC akan membabitkan tiga lagi aplikasi atau projek utama iaitu jaringan pengeluaran seantero dunia, pusat pemasaran tidak bersempadan dan kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Tiga aplikasi yang akan dilaksanakan dalam peringkat kedua itu tidak memerlukan pembangunan fizikal, sebaliknya lebih berbentuk galakan persekitaran.

Pada sesi soal jawab dengan peserta persidangan sebelum itu, Dr Othman berkata, pembiayaan projek MSC didorong oleh industri iaitu peserta MSC membuat pelaburan untuk menikmati pulangan daripada pertumbuhan industri IT dalam lingkungan infrastruktur multimedia itu.

(END)